

09 FEB 2000

CHASE-BON KEDAULATAN/I

MASA YANG SESUAI UTK M'SIA TERBIT BON KEDAULATAN

KUALA LUMPUR, 9 Feb (Bernama) -- Sudah sampai masanya untuk Malaysia menerbitkan lagi siri lain bon kedaulatan berdasarkan kepada fundamental positif semasa serta ditambah dengan senario kekurangan bon-bon Asia ketika ini, kata ketua Chase Manhattan Bank bagi Pendapatan Tetap Antarabangsa Pasaran Modal Asia, Bob Fernandez.

Kali terakhir Malaysia menerbitkan bon kedaulatannya adalah pada Mei tahun lalu apabila kerajaan mengumpul bon 10-tahun bernilai AS\$1 bilion (RM3.8 bilion). Bon-bon itu terlebih langganan sebanyak 300 peratus.

Terbitan itu adalah separuh daripada jumlah AS\$2 bilion yang dirancang sebelum ini apabila kerajaan memotong jumlah tersebut berikutan keadaan pasaran tidak menentu dan julat besar bon tersebut berbanding bil-bil Perbendaharaan 10 tahun AS ketika itu.

Bercakap di sidang akhbar sebelum pertemuan dengan pemimpin-pemimpin kerajaan dan korporat hari ini, Fernandez menjangkakan pasaran boleh menyerap bon kedaulatan Malaysia sepanjang tahun.

Chase adalah sebuah kumpulan pelabur utama dari Amerika Syarikat, Eropah dan Asia Pasifik yang sedang dalam rangka lawatan ke Indonesia, Malaysia dan Filipina. Pelabur-pelabur ini ini menguruskan bersama dana yang bernilai AS\$1 trilion (RM3.8 trilion).

Fernandez berkata terdapat permintaan ketara terhadap bon Asia ketika ini, memandangkan hanya AS\$14 bilion nilai bon diterbitkan tahun lalu, satu jumlah yang merangkumi terbitan bon kira-kira dua minggu di pasaran domestik Amerika Syarikat.

Sementara itu, ketua Chase bagi Penyelidikan Pendapatan Tetap Asia, Greg Batey berkata bon korporat dan bon kedaulatan Malaysia telah mempamerkan prestasi menakjubkan tahun lalu dan berjaya menarik perhatian ramai pelabur pendapatan tetap.

Pulangan Komponen Chase Asia Bond Index (CABI) Malaysia 33.76 peratus, pulangan Telekom Malaysia 51.50 peratus dan pulangan bon utiliti Malaysia 46.21 peratus.

"Ia adalah prestasi menakjubkan bagi bon-bon terutama apabila diambil kira pada 1999, Perbendaharaan AS jatuh ke bahagian negatif. Bon Malaysia mencatatkan prestasi yang lebih baik berbanding indeks saham Dow Jones AS, di mana pulangan tahun lalu kurang daripada 17 peratus," kata Batey.

CABI adalah penanda aras pendapatan tetap yang terdiri daripada pulangan bon dan perangkaan bagi pasaran Asia bagi asas harian dan bulanan.

Indeks itu, katanya merangkumi bon kedaulatan dan bon korporat paling cair. Tahun lalu, Malaysia berada di tempat kedua dan ketiga di kalangan bon korporat paling cair.

Malaysia juga adalah penerbit bon paling besar selepas Korea Selatan yang menyumbang lebih 15 peratus daripada permodalan pasaran, tambahnya.

Dengan pulangan bon kedaulatan Malaysia diniagakan bersaing dengan Korea, beliau berkata ia telah meletakkan Malaysia setaraf dengan ekonomi-ekonomi paling pantas pemulihannya berikutan krisis Asia.

Dengan menggambarkan pemulihan ekonomi Malaysia sebagai menakjubkan, Batey berkata Chase mengunjurkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara sebanyak 6.0 peratus bagi tahun ini dan 6.7 peratus untuk tahun depan.

Sementara itu, Joyce Chang, Ketua Penyelidikan Pendapatan Tetap Antarabangsa Global Chase berkata bank itu mengunjurkan suasana global yang positif bagi pemulihan Asia tahun ini dengan pertumbuhan seimbang dalam

ekonomi global.

Ia termasuklah kenaikan 3.5 peratus dalam ekonomi AS dan pertumbuhan sederhana 1.7 peratus dalam ekonomi Jepun.

Sebagai menjawab satu soalan, Batey berkata Chase melihat pelabur-pelabur asing memberikan perhatian serius (kepada Malaysia) dan ia dicerminkan oleh peningkatan dalam pasaran saham tempatan dan julat kecil bon Malaysia.

Chang menambah pelabur-pelabur asing sudah kembali ke Malaysia dengan pemulihan ekonomi dan kestabilan politik berikutan kemenangan besar parti campuran yang diketuai oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir yang menguasai majoriti dua pertiga.

Dana asing juga kembali ke Malaysia berikutan peningkatan persepsi positif terhadap langkah kawalan terpilih Malaysia, tambahnya.

-- BERNAMA

AD ZK MA